

## MAHABBAH RAMADHAN DITERUSKAN MAHABBAH RAMADHAN CONTINUES

Sumbangan derma kakitangan Nexus minggu ini diagih-agihkan kepada lebih ramai penerima apabila para sukarelawan Nexus yang diketuai oleh Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, Ketua Pegawai Eksekutif melakukan perjalanan dari rumah kerumah pada hari Isnin, 3 Mei 2021, mengunjungi keluarga bekas kakitangan TelBru / Nexus yang telah kembali kerahmatullah. Sumbangan berupa baucar membeli-belah, hamper NexGifts dan barang keperluan harian disampaikan oleh Hajah Nor Azura kepada beberapa keluarga di kediaman masing-masing.

*Staff donations this week reached more recipients when Nexus volunteers led by Hajah Nor Azura Hj Mohd Tahir, CEO and other members of the management team went on a road trip on Monday, 3rd May 2021, visiting families of former TelBru/Nexus staff who have passed on. Donations in the form of shopping vouchers, NexGifts hampers and daily essentials were presented by Hajah Nor Azura to the families at their respective homes.*



Penyerahan sumbangan oleh Hajah Nor Azura kepada para penerima  
The recipients receiving donations from Hajah Nor Azura



Salah seorang penerima bersama rombongan sukarelawan  
*One of the recipients with the volunteers*

Pada hari Selasa, 4 Mei, pasukan meneruskan penghantaran sumbangan dengan mengunjungi tiga keluarga bekas kakitangan TelBru / Nexus serta 4 keluarga kurang bernasib baik yang berdaftar di bawah JAPEM dan menyampaikan lebih banyak sumbangan kakitangan kepada para penerima.

*On Tuesday, 4th May, the volunteers continued their donation drive by visiting three families of former TelBru/Nexus staff as well as 4 underprivileged families registered under JAPEM and presented more staff donations to the recipients.*



Sumbangan disampaikan oleh pegawai-pegawai Nexus kepada para penerima  
*Donations were presented by Nexus officials to the recipients*



Para sukarelawan Nexus yang menyertai aktiviti  
*The Nexus volunteers who participated in the activity*


## IMAGINE PERKENALKAN PLAN BARU BAGI KAKITANGAN NEXUS

### *IMAGINE INTRODUCES ITS NEW STAFF PLAN FOR NEXUS*

Syarikat Imagine telah mengadakan satu jerayawara di Nexus pada hari Khamis, 29 April 2021 dan memperkenalkan penawaran produk dan perkhidmatan barunya serta rancangan dan harga baru untuk kakitangan dan rakan sekerja Nexus.

*Imagine conducted a roadshow on Thursday, 29th April 2021 at Nexus and introduced its new offering of products and services as well as new plans and rates for Nexus staff and associates.*





Kakitangan Imagine semasa jerayawara  
*Imagine staff during the roadshow*

# KURSUS PENYELENGGARAAN DAN PERKHIDMATAN HAWA DINGIN BERAKHIR DENGAN PENYAMPAIAN SIJIL AIRCON SERVICE AND MAINTENANCE COURSE ENDS WITH CERT PRESENTATION

Kursus selama 3 minggu penyelenggaraan dan perkhidmatan hawa dingin yang melibatkan 19 kakitangan dari Nexus Tech dan dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Belia (PPB) di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan berakhir pada hari Khamis, 29 April dengan majlis penyampaian sijil di PPB, Tanah Jambu. Hadir menyampaikan sijil ialah Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, Penolong Pengarah PPB.

*The 3 week-long course on air-conditioning service and maintenance involving 19 staff from Nexus Tech and conducted by the Youth Development Centre (PPB) under the Ministry of Culture, Youth and Sports ended on Thursday, 29th April with a certificate presentation ceremony held at PPB, Tanah Jambu. Present to hand over the certificates was Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, PPB's Assistant Director.*



Para peserta kursus bergambar ramai dengan pegawai-pegawai dari PPB  
*The course participants in a group photo with PPB officials*

# BENGKEL MENAMBAT DASTAR DAN SINJANG

## DASTAR AND SINJANG WORKSHOP

Bengkel kemahiran sepanjang hayat terus ditawarkan kepada rakan sekerja dan minggu ini bengkel menambat dastar dan sinjang telah dikendalikan oleh Awg Haji Masfourteen Bin Haji Mohd Yusof dari Pusat Pembangunan Belia (PPB). Bengkel ini dihadiri oleh 13 peserta.

*Life-long skill workshops continue to be offered to associates and this week a workshop on how to prepare a dastar (traditional headgear) and sinjang (sarong wrapped around the hips) was conducted by Awg Haji Masfourteen Bin Haji Mohd Yusof from the Youth Development Centre (PPB). The workshop was attended by 13 participants.*



Awg Haji Masfourteen, pengendali bengkel  
Awg Haji Masfourteen, the workshop facilitator



Peserta bengkel menampilkan hasil mereka  
The workshop participants showcasing the outcome of their work

## BAKUL HADIAH NEXGIFTS SEDIA UNTUK DIBAHAGIKAN NEXGIFTS HARI RAYA HAMPERS READY FOR DISTRIBUTION

Bakul makanan NexGifts, inisiatif terbaru Nexus sedia untuk dibahagi-bahagikan menjelang Hari Raya yang hanya tinggal seminggu lagi dan kakitangan Nexus berusaha untuk memastikan semuanya siap pada waktunya untuk diedarkan. Bakul-bakul makanan itu dihasilkan dan dibungkus oleh rakan sekerja Nexus sendiri dengan menampilkan produk buatan tempatan seperti biskut dan keropok.

*NexGifts hampers, a new initiative of Nexus will be made ready in time for Hari Raya which is less than a week away and the staff are working to ensure they are all ready in time for distribution. The hampers are produced and packed in-house featuring mostly locally-made products like biscuits and crackers.*



Rakan sekerja Nexus sedang menyediakan bakul-bakul makanan  
Nexus associates preparing the hampers



Bakul-bakul makanan yang telah siap  
The finished hampers

# LEBIH BANYAK BARANGAN TERPAKAI DIJUAL DI NEXUS *MORE PRE-LOVED ITEMS ON SALE AT NEXUS*

Berikutnya kejayaan jualan pertama barang kesayangan terpakai dua minggu lalu, satu lagi jualan dianjurkan pada Khamis, 6 Mei di ibu pejabat Nexus. Selain barang terpakai, barang baru yang belum digunakan serta makanan dan minuman juga turut dijual.

*Following of the success of previous pre-loved sale two weeks ago, another one was organised on Thursday, 6th May at Nexus HQ. Apart from pre-loved items, new unused items and food and drinks were also available on sale.*

